Lee Chiow Tee dan satu lagi lwn Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — SAMAN PEMULA NO 24(L)-528 TAHUN 2008
UMI KALTHUM PK
25 NOVEMBER 2009

Pewarisan — Pentadbiran — Tuntutan — Tuntutan terhadap faedah kematian — Sama ada peruntukan s 58 dan Jadual Kelima Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 sebelum pindaan terpakai — Sama ada perkiraan faedah kematian bermula dari tarikh kematian atau dari tarikh permohonan diluluskan

Plaintif-plaintif adalah pentadbir harta pusaka Boo Koh Hui Kwang ('si mati'), seorang ahli Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Si mati yang merupakan seorang pekerja kapal telah lenyap dan tidak dapat dijumpai sejak tahun 1999. Oleh itu si mati dianggap mati pada 31 Mac 1999 melalui perintah mahkamah. Surat kuasa mentadbir harta pusaka si mati telah dipohon dan diberikan kepada plaintif-plaintif pada 30 Oktober 2006. Pada tahun 2007, plaintif-plaintif telah memohon pengeluaran semua wang simpanan atas nama si mati dan pembayaran telah dibuat dengan sepenuhnya oleh defendan. Defendan juga telah membayar RM2,500 kepada plaintif-plaintif sebagai faedah kematian berdasarkan peruntukan s 58 dan Jadual Kelima Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 ('Akta KWSP) yang dipinda melalui Akta A1080 berkuat kuasa mulai 1 Julai 2000. Plaintif-plaintif tidak berpuas hati dengan bayaran RM2,500 itu dan membuat permohonan bahawa perkiraan faedah kematian hendaklah berdasarkan peruntukan s 58 dan Jadual Kelima Akta KWSP sebelum pindaan berkuat kuasa memandangkan tarikh kematian si mati adalah sebelum Akta KWSP dipinda.

Diputuskan, membenarkan permohonan dengan kos:

(1) Faedah kematian itu hendaklah dikira berdasarkan peruntukan Akta KWSP sebelum ianya dipinda melalui Akta A1080. Ini adalah oleh kerana faedah tersebut hanya terakru pada tarikh kematian si mati iaitu 31 Mac 1999 dan pada tarikh itu Akta A1080 belum wujud (lihat perenggan 7).

(2) Di bawah peruntukan s 54 Akta KWSP, Lembaga perlu memastikan permohonan pengeluaran berkenaan adalah lengkap dan menepati peraturan-peraturan yang telah ditetapkan sebelum meluluskannya. Tetapi setelah permohonan itu diluluskan dan bagi maksud perkiraan faedah kematian, perkiraan tetap bermula daripada tarikh kematian si

mati. Jika efek pindaan s 58(1) dan Jadual Kelima itu dikehendaki terpakai kepada mana-mana kematian ahli KWSP sebelum tarikh kuat kuasa pindaan itu, peruntukan nyata seharusnya diperbuat dan ini tidak dilakukan (lihat perenggan 9).

[English summary

The plaintiffs were the administrators of the estate of Boo Koh Hui Kwang ('the deceased'), a member of the Employees' Provident Fund Board. The deceased, a worker in a ship had been missing and could not be found since 1999. Thus the deceased was presumed dead on 31 March 1999 by a court order. The letters of administration of the deceased had been applied by and granted to the plaintiffs on 30 October 2006. In the year of 2007, the plaintiffs had applied for the withdrawal of all the savings in the name of the deceased and the payment had been fully settled by the defendant. The defendant had also paid RM2,500 to the plaintiffs as death benefits based on the provision of s 58 and the Fifth Schedule of the Employees' Provident Fund Act 1991 ('the EPF Act') as amended by Act A1080 which was effective since 1 July 2000. The plaintiffs were not satisfied with the payment of RM2,500 and made an application that the calculation of the death benefits should be based on the provision of s 58 and the Fifth Schedule of the EPF Act before the amendment took effect in view of the date of death of the deceased was before the amendment of the EPF Act.

Held, allowing the application with costs:

(1) The death benefits should be calculated based on the provisions of the EPF Act prior to the amendment by Act A1080. This was because the benefits only accrued on the date of the death of the deceased ie 31 March 1999 and on that date the Act A1080 was not yet in existence (see para 7).

(2) Under the provision of s 54 of the EPF Act, the Board had to ensure that the application for withdrawal was complete and complied with the established rules before approving the same. However, once the application had been approved and for the purpose of the calculation of the death benefits, the calculation still commenced from the date of the death of the deceased. If the effect of the amendment to s 58(1) and the Fifth Schedule was required for application to any death of the EPF member before the date of the coming into effect of the amendment, a clear provision had to be made and this was not done (see para 9).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai tuntutan, lihat 11 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2008 Reissue) perenggan 2027–2029.

Kes-kes yang dirujuk

Ong Lian Chee (mendakwa sebagai pentadbir pusaka Goh Tin Poh (si mati)) v Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja [2007] 1 AMR 592, MT (diikut)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 ss 54(1)(a), 58, 58(2), Jadual Kelima

Helen Fong Soh Lan (Lee & Fong) bagi pihak plaintif-plaintif.

Sharifah Fadzliah Syed Taha (Pegawai Undang-Undang Kanan, Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) bagi pihak defendan.

Umi Kalthum PK:

[1] Setelah menimbang permohonan plaintif-plaintif dan hujahan-hujahan kedua-dua pihak, mahkamah membenarkan permohonan plaintif-plaintif dengan kos sebanyak RM2,000. Alasan-alasan mahkamah memutuskan sedemikian adalah seperti berikut.

[2] Hanya satu isu sahaja yang perlu diputuskan oleh mahkamah ini berdasarkan permohonan plaintif-plaintif itu, iaitu, sama ada plaintif-plaintif berhak atau tidak membuat tuntutan amaun tambahan berbentuk faedah kematian di bawah s 58 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 ('Akta KWSP') mengikut kiraan formula di Jadual Kelima Akta tersebut berdasarkan undang-undang sebelum pindaan memandangkan tarikh kematian si mati adalah sebelum Akta tersebut dipinda.

[3] Plaintif-plaintif adalah pentadbir harta pesaka Boo Koh Hui Kwang ('si mati'). Si mati adalah seorang ahli Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dengan nombor keahlian 13078469 semenjak 1 Disember 1993. Si mati adalah seorang pekerja kapal. Beliau telah lenyap dan tidak dapat dijumpai sejak tahun 1999. Oleh itu si mati dianggap mati pada 31 Mac 1999 melalui perintah mahkamah ini dalam Usul Pemula No 25–18 Tahun 2006 pada 4 Julai 2006. Surat kuasa mentadbir harta pesaka si mati telah dipohon dan diberikan kepada plaintif-plaintif pada 30 Oktober 2006.

[4] Pada tahun 2007, plaintif-plaintif telah memohon pengeluaran semua wang simpanan atas nama si mati dan pembayaran telah dibuat dengan sepenuhnya oleh defendan. Defendan telah juga membayar RM2,500 kepada plaintif-plaintif sebagai *faedah kematian* berdasarkan peruntukan s 58 dan Jadual Kelima Akta KWSP yang dipinda melalui Akta A1080 dan pindaan tersebut berkuat kuasa mulai 1 Julai 2000. Plaintif-plaintif tidak berpuas hati dengan bayaran RM2,500 itu dan membuat permohonan ini.

[5] Bagi plaintif-plaintif, memandangkan si mati telah diisytiharkan mati pada 31 Mac 1999, maka perkiraan *faedah kematian* hendaklah berdasarkan peruntukan s 58 dan Jadual Kelima Akta KWSP sebelum pindaan itu berkuat kuasa di mana formula kiraan faedah kematian adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Kredit ahli semasa tarikh kematian} \times (60 - \text{umur pada tarikh kematian})}{2 + (3\ (\text{umur pada tarikh kematian} - \text{umur semasa mula-mula menjadi ahli}))}$$

[6] Akan tetapi selepas pindaan kepada Akta KWSP berkuat kuasa melalui Akta A1080, faedah kematian adalah hanya suatu jumlah wang yang ditetapkan sebanyak RM2,500.

[7] Mahkamah bersetuju dengan hujahan plaintif-plaintif itu bahawa faedah kematian itu hendaklah dikira berdasarkan peruntukan Akta KWSP sebelum ianya dipinda melaiui Akta A1080. Ini adalah oleh kerana faedah tersebut hanya terakru pada tarikh kematian si mati iaitu 31 Mac 1999 dan pada tarikh itu Akta A1080 belum wujud. Mahkamah bersetuju dan menerima pakai alasan-alasan yang diberi oleh YA hakim dalam keputusannya dalam kes *Ong Lian Chee (mendakwa sebagai pentadbir pusaka Goh Tin Poh (si mati)) v Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja* [2007] 1 AMR 592.

[8] Mahkamah tidak bersetuju dengan hujahan defendan bahawa amaun tambahan itu adalah satu bentuk *pemberian* oleh defendan kepada ahli-ahlinya dan bahawa sumber wang ini bukannya datang dari wang kredit KWSP ahli berkenaan. Jikapun kenyataan defendan ini adalah benar pada hakikatnya, yang mahkamah ini meragukan, apa yang penting ialah ianya tidak diperuntukkan sedemikian dalam s 58 Akta itu.

[9] Mahkamah tidak bersetuju dengan hujahan defendan bahawa hak plaintif-plaintif di bawah s 58(2) hanya timbul setelah permohonan pengeluaran di bawah s 54(1)(a) diluluskan oleh Lembaga, dan memandangkan bahawa kelulusan Lembaga itu hanya diperolehi pada 25 April 2007, iaitu selepas pindaan kepada s 58 yang dibaca bersama-sama Jadual Kelima berkuat kuasa, maka amaun tambahan yang perlu dibayar kepada plaintif-plaintif adalah di bawah Akta tersebut sebagaimana yang terpinda itu. Adalah benar bahawa di bawah peruntukan s 54 Akta itu, Lembaga perlu memastikan permohonan pengeluaran berkenaan adalah lengkap dan menepati peraturan-peraturan yang telah ditetapkan sebelum meluluskannya. Akan tetapi setelah permohonan itu diluluskan dan bagi maksud perkiraan *faedah kematian* itu, perkiraan itu tetap bermula daripada tarikh kematian si mati. Jika efek pindaan s 58(1) dan Jadual Kelima itu dikehendaki terpakai

kepada mana-mana kematian ahli KWSP sebelum tarikh kuat kuasa pindaan itu, peruntukan nyata seharusnya diperbuat, ini tidak dilakukan.

Permohonan dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh M Sivabarathi